



Susunan ALIF ABU BAKAR
alif.abubakar@kosmo.com.my

Derita Palestin belum bernoktah

Tragis dan air mata mengisi kronologi tragedi berdarah yang dihadapi Palestin. Dunia sekali lagi dikejutkan dengan serangan Israel ke atas Genting Gaza yang kini masih belum ada kesudahan. kosmo 23/11/2012
ms 22/23



JENAZAH Mohammed Ashour yang berumur sembilan tahun dibawa untuk pengebumian selepas dia terbunuh berhampiran rumahnya di Gaza pada 21 November lalu ekoran serangan Israel.

Bagaimanakah dunia boleh menghalalkan dosa-dosa Israel yang sudah menjangkau lebih enam dekad sehingga darah-darah orang Palestin sudah tidak bermakna lagi?

Memetik kata-kata Presiden AS, Barack Obama: "Israel mempunyai hak untuk mempertahankan diri dan AS menyokong sepenuhnya tindakan Israel dalam mematahkan serangan yang dilancarkan pihak Hamas."

Mengulas kekejaman terbaharu Israel itu, Presiden Pergerakan Keadilan Sejagat (Just), Dr. Chandra Muzaffar

dana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ialah penyokong Mitt Romney yang tewas dalam pilihan raya lalu, beliau masih meletakkan kepercayaan kepada Israel.

"Keadaan ini tidak mengejutkan dunia kerana politik AS sebenarnya dikuasai oleh pihak-pihak asing yang digelar pelobi. Kebanyakan pelobi ini datang daripada kumpulan pro-Israel," jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!*

Secara telusnya, penderitaan rakyat

Palestin bermula sejak tahun 1946.

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada B'Tselem, sejak tahun 2000 sehingga September 2012, seramai 14,922 warga Palestin telah terkorban. Jumlah itu berbeza dengan kematian yang melibatkan rakyat Israel iaitu sebanyak 1,097 yang kebanyakannya merupakan tentera Israel.

Derita enam dekad

Dosa Israel ternyata bukan hanya membunuh, mereka juga merampas sedikit demi sedikit tanah Palestin, malah menyekat sumber air umat Islam.

Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan pada tahun 1946 Palestin mempunyai keluasan tanah 26,990 kilometer persegi, tetapi hari ini angka itu hanya tinggal 6,220 kilometer persegi (5,860 di Tebing Barat dan 360 kilometer persegi di Gaza).

Berkongsi lebih dekat penderitaan penduduk Palestin, *Kosmo!* sempat memenu bual Ketua Misi Bantuan Palestin anjuran Yayasan kemanusiaan Muslim Aid Malaysia, Muhammad Kamarulazizi. Beliau baru pulang ke tanah air Selasa lalu, selepas mengikuti rombongan ke Tebing Barat pada awal November lepas.

Ujarnya, keadaan di Palestin boleh dipecahkan pada dua kategori.

"Bandar-bandar penduduk Palestin kotor dan tidak dibersihkan majlis perbandaran sedangkan mereka memba-


Persoalannya, di manakah perikemanusiaan masyarakat antarabangsa, di manakah keadilan untuk orang Palestin dan polis dunia seperti Amerika Syarikat (AS)?

menyatakan, Israel tahu bahawa AS sentiasa menyokong setiap keputusan yang dilaksanakan mereka.

“Walaupun Obama tahu Per-

LAUTAN penduduk Palestin menyertai demonstrasi jalanan yang diadakan di Gaza bagi menyalir serangan Israel.

KANAK-KANAK Gaza terpaksa berlindung di dalam rumah sepanjang waktu.





MUHAMMAD (tengah) bersama kanak-kanak Palestin ketika menjayakan misi bantuan ke Tebing Barat bermula 12 hingga 19 November lalu.

105MO 23/11/12 PETA menunjukkan

Laut Mediterranean

LEBANO

SYRIA

Handwritten scribble

PALESTIN

Arab Saudi

Padang pasir Sinai

kosmo 23/1/12
ms 23.

...yar cukai yang tinggi. Kami hairan melihat kawasan orang Israel yang jauh lebih teratur dan diselenggara dengan baik walhal perumahan mereka hanya bersebelahan.

“Apa yang pasti, warga Palestin ibarat hidup terbuang di dalam negara sendiri. Lesen perniagaan dikenakan bayaran tinggi dan disebabkan itu ramai dalam kalangan mereka menjalankan urusan niaga secara rahsia. Ekonomi dan sosiologi Palestin pada dasarnya diperintah Israel walaupun ia tidak terletak di bawah bidang kuasa mereka.

“Paling ketara ialah agihan bekalan air. Rakyat Palestin tahu pihak Israel akan melakukan sekatan air pada bila-bila masa, jadi setiap rumah menyediakan satu tangki simpanan air sebagai kegunaan pada waktu kecemasan,” kongsi Muhammad panjang lebar.

Ujarnya, ketika umat Islam lelaki di seluruh dunia menjalankan ibadat solat Jumaat dengan tenang, warga Palestin berumur 14 hingga 40 tahun pula terpaksa bertarung nyawa bagi menunaikan tanggungjawab tersebut.

Menurut Muhammad, kumpulannya sendiri menyaksikan ketegangan yang berlaku antara orang Palestin dan tentera Israel yang berkawal di luar tembok Masjid al-Aqsa.

Penafian rejim Zionis terhadap orang Palestin yang ingin memasuki masjid menimbulkan kemarahan mereka dan bertindak membaling batu ke arah ten-

tera-tentera tidak berhati perut itu.

Akibatnya, warga Palestin yang bertindak sedemikian ditangkap tanpa diberi ruang membela diri.

Selama sembilan hari di Palestin, rombongan Muhammad turut berkesempatan melawat dua buah sekolah yang terletak di pekarangan masjid al-Aqsa dan Baitulmuqaddis.

Gencatan senjata

“Suasana pembelajaran sama seperti negara lain. Namun, kanak-kanak Palestin perlu melepasi pintu pemeriksaan yang dikawal tentera Israel setiap kali mereka ingin ke sekolah. Ia menunjukkan betapa ketatnya pergerakan rakyat Palestin meskipun berada dalam kawasan sendiri.




“Bagaimanapun, semangat kanak-kanak Palestin dalam memperjuangkan kebangkitan semula negara mereka sangat tinggi,” cerita Muhammad.

Daripada 22 negara yang menyertai Liga Arab (termasuk Palestin dan Libya), hampir semua memilih jalan selamat untuk tidak mencetuskan pertikaian dengan Israel.

Mesyuarat dalam kalangan menteri luar negeri ahli Liga Arab yang diadakan pada Sabtu lalu di Kaherah, Mesir tidak mencapai sebarang penyelesaian terhadap penderitaan yang sedang dialami Palestin. Rata-rata bersetuju dengan cadangan gencatan sen-

PETA menunjukkan kedudukan Palestin yang dikelilingi negara-negara Liga Arab yang enggan menentang kekejaman Israel.



-  Pelan Pembahagian 1947 (Yahudi)
-  Pelan Pembahagian 1947 (Arab)
-  Jordan

Info

● Setakat hari kesembilan (semalam), seramai 161 warga Palestin termasuk 71 orang awam terbunuh. Lima warga Israel turut terkorban.

● Orang ramai yang ingin menyumbang pada tabung kemanusiaan Palestin, bolehlah menyalurkannya menerusi akaun CIMB **1422-0000070-108** atas nama Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia. Butiran peribadi seperti nama, alamat, nombor telefon, masa dan tarikh transaksi serta jumlah sumbangan perlu dihantar pada e-mel mail@muslimaid.org.my atau faks pada **03-2288 1966**. Untuk maklumat lanjut, hubungi talian Muslim Aid pada talian **03-2288 1996** atau layari laman Facebook www.facebook.com/YKMAM.